

MENUJU ROH MUTLAK: GAGASAN HEGEL TENTANG SEJARAH

Mohd Izuan bin Razali
izuan.razali@yahoo.com

“Sejarah adalah perkembangan roh dalam waktu, Alam adalah perkembangan ide dalam ruang”
-Hegel-

0. Pengenalan

Makalah ini bertujuan membicarakan tentang **falsafah sejarah** Hegel, yakni idea-idea Hegel yang menekankan sejarah sebagai perkara yang mustahak dalam menjawab perkara-perkara filosofis. Menurut R.G. Collingwood, Pergerakan sejarah yang bermula dari Herder dalam tahun 1784 telah sampai ke kemuncaknya dengan pemikiran Hegel (Collingwood 1970). Kuliah-kuliahnya tentang falsafah sejarah mula di sampaikan dalam tahun 1822-23. Sesiapa yang membaca bukunya *Philosophy of History* itu tentu akan merasakan bahawa buku tersebut adalah suatu karya yang sungguh asli dan revolusioner. Buat pertama kalinya sejarah telah menjadi dewasa dan mengambil tempatnya di atas pentas pemikiran falsafah. Beliau mengusulkan suatu bentuk sejarah yang baru, yang digelar falsafah sejarah. Apakah yang dimaksudkan oleh Hegel dengan falsafah sejarah?, di manakah peranan sejarah dalam falsafahnya itu? dan dimanakah berakhir sejarah menurut Hegel?. Ketiga persoalan ini membutuhkan kita menjadi seorang yang berfikir cara falsafah dan sejarawan.

1. Latar Belakang Keintelektualan Hegel

Ia mustahil memahami idea-idea Hegel tanpa memahami terlebih dahulu perjalanan sejarah yang membentuk intelektualnya. George Wilhelm Hegel lahir di Stuttgart pada tahun 1770 dan hidup dalam era Jerman yang bersinar emas peradabannya. Beliau beruntung kerana pada zamannya lahir sosok pemikir dan budayawan yang hebat seperti Beethoven, Goethe, Immanuel Kant dan Wordsworth yang turut sama menyentuh nuansa romantisme pada aliran filsafat idealisme Jerman saat itu.

Pada peringkat awal, Hegel tertarik pada karyawan-karyawan Yunani terutamanya Plato dan Aristotles. Di usia 18 tahun, Hegel bersekolah di Tubingen, di sini beliau telah menekuni teologi dan menjalin hubungan teman dengan penyair Holderlin dan filsuf Schelling. Di Tubingen juga Hegel mulai menaruh perhatian pada hubungan antara falsafah dan teologi. Namun ketika tamat universitilah, falsafah menjadi minat utamanya. Setamat universiti Hegel menjadi guru tutor keluarga selama 6 tahun di Berne dan Frankfurt. Dalam waktu ini beliau menulis karangan-karangan pendek tentang bidang falsafah sehingga lahir karyanya tentang filsuf Fichte dan Schelling pada 1801 yang berjudul “*Difference between the System of Fichte and Schelling*”. Fichte dan Schelling pada waktu itu merupakan dua corong berpengaruh dalam periode Idealisme Jerman. Dalam tahun 1801 ini juga Hegel menjadi pensyarah di Fakulti Universiti Jena. Dalam tempoh tercetusnya Perang Jena 1807, Hegel telah menyelesaikan karyanya yang bertajuk “*The Phenomenology of Mind/Spirit*”. Selepas Universiti Jena di tutup akibat Perang Jena, Hegel menjadi rektor sekolah di Nurnberg sehingga tahun 1816. Pada waktu ini Hegel telah menghasilkan tulisan pentingnya iaitu “*Science of Logic*”. Tahun 1816, Hegel berkhidmat sementara di Universiti Heidelberg dan menerbitkan “*Encyclopedia of the Philosophical Sciences in Outline*”, sebuah karya menyeluruh yang membahas struktur falsafah dalam 3 matryanya. Pada tahun 1819, Hegel diangkat menjadi pensyarah di Fakulti Falsafah Universiti Berlin sehingga akhir hayatnya dalam usia 61 tahun akibat penyakit kolera. Di Universiti Berlin inilah pemikiran Hegel mematang dan mencerah dalam karya-karyanya “*Philosophy of Right*” (1821) dan nota-nota kuliahnya yang diterbitkan setelah kematiannya, meliputi “*Philosophy of History*”, “*Philosophy of Religion*” dan “*History of Philosophy*”.

2. Falsafah Sejarah Hegel

F.R. Ankersmit (1987) membahagikan falsafah sejarah Hegel kepada dua jalur iaitu falsafah **sejarah formal** dan **material**. Dalam falsafah sejarah yang formal, Hegel mengembangkan struktur abstrak yang mendasari teorinya mengenai proses sejarah seluruhnya. Manakala dalam falsafah sejarah yang material merupakan satu deskripsi mengenai proses sejarah yang memberi isi konkrit kepada struktur abstrak tersebut. Formal dan Meterial itu boleh di analogikan sebagai antara **isi** dan **bentuk**. Dalam falsafah Hegel, unsur formal hampir tak dapat dipisahkan dari unsur material, Sebenarnya Hegel merupakan ahli falsafah yang paling keras menentang

perbedaan di antara bentuk dan isi di dalam sejarah. Hegel rupanya telah menyentuh salah satu sifat yang paling khas dalam pengetahuan sejarah.

2.1. Falsafah Sejarah Formal

Hegel telah membahagikan sejarah kepada tiga jenis penulisan; (1) **Penulisan sejarah asli** (2) **Penulisan sejarah reflektif** (3) **Penulisan sejarah falsafah**. Pembahagian ini secara kasar dan selari dengan pembedaan antara Roh Objektif, Roh Subjektif dan Roh Mutlak. Bentuk penulisan sejarah asli selalu dilaksanakan oleh sejarawan seperti Herodotus dan Thucydides (serta sejarawan selepasnya yang sama fikrah) sejarawan seperti ini selalunya memaparkan sebahagian besar berkenaan perbuatan, peristiwa dan keadaan masyarakat yang ditemukan dihadapan mereka, apa yang ditulis oleh sejarawan jenis pertama lebih bersifat laporan-laporan dan pendokumentasian. Di sini masa seolah-olah hanya berbicara sendiri. Dalam waktu inilah budi yang hadi di dalam roh objektif dibicarakan, tetapi masih belum mampu direfleksikan. Budi hanya dapat direfleksikan selepas berlakunya penulisan sejarah reflektif. Dalam penulisan sejarah reflektif perlu diambil jarak masa yang panjang sehingga mencipta ruang suatu penilaian oleh subjek yang tahu (Roh subjektif), dalam penulisan sejarah reflektif perlu di petik dua perkara penting dalam sejarah (1) **Hikmah/pelajaran** dan (2) **Kebenaran mengenai masa silam**. Pada waktu ini penulisan sejarah masih berada pada tahap roh subjektif, maka pengertian-pengertian mengenai masa silam belum lengkap dan menghasilkan kontradiksi (iaitu para sejarawan tidak sependapat mengenai peristiwa tertentu). Maka ianya perlu penyempurnaan. Penyempurnaan hanya berlaku di dalam penulisan sejarah yang ditulis secara falsafat (padanan historiografis bagi roh mutlak) yakni tahap penulisan sejarah yang ke tiga itu. Menurut Hegel, “gagasan pokok yang dihasilkan oleh akal budi ialah sebuah gagasan yang amat sederhana, yakni bahawa budi menguasai dunia, sehingga segala sesuatu yang terjadi dalam sejarah dunia terjadi menurut akal budi”. Perbedaan antara ketiga-tiga jenis penulisan sejarah tersebut hanya dari segi budi sahaja.

2.1.1 Budi

Budi memainkan peranan penting kepada manusia sehingga mampu mengkombinasikan gagasan-gagasan, lalu memperoleh pengetahuan dengan cara **apriori** yang tidak berdasarkan pengalaman. Makanya, dalam falsafah sejarah formal ala Hegel ini perkara pokoknya adalah

Budi (*Vernunft*) itu. Budi memainkan peranan dalam dua bidang (1) **Roh Objektif**¹ (2) **Roh Subjektif**². Budi menguasai hal-hal dalam kenyataan objektif, kenyataan itu tidak kacau bilau, tetapi ianya memperlihatkan tata tertib dan keteraturan yang mentaati beberapa kaedah atau prinsip “**rasional**”.³ Manakala Roh Subjektif ialah manusia sebagai subjek yang mengetahui, yang mampu mengetahui dirinya dan dengan mempergunakan Budi supaya dapat mencari jalan ditengah-tengah kenyataan. Dengan berfikir secara rasional, kita dapat melacak kaedah-kaedah yang menopang kenyataan. Ini membuktikan bahawa daripada budi yang sama akan membawa kepada prinsip-prinsip rasional yang sama yang akan memberi struktur kepada kenyataan objektif dan juga mempengaruhi roh subjektif (roh manusia). Hanya dengan menerima asumsi ini dapat diterangkan, bahawa terdapat keserasian antara alam fikiran kita dengan kenyataan; inilah ciri khas ilmu

Namun untuk mengenalpasti hubungan antara Roh Objektif dengan Roh Subjektif sebenarnya lebih sukar dilaksanakan daripada apa yang dibincangkan di atas tadi. Penjemaan hubungan antara Roh Objektif dengan Roh Subjektif yang berlangsung terus-menerus pada hakikatnya merupakan suatu proses sejarah. Pada penghujung proses perkembangan sejarah itu tiba pada titik akhir iaitu “**Roh Mutlak**”. Tetapi sebelum tiba di “Roh Mutlak” perlu dilalui terlebih dahulu proses “**logika dialektis**” yang bersifat tindih-menindih, saling mencerminkan dan berjumpa di antara penjelmaan Roh Objektif dan Roh Subjektif. Di sebut Roh Mutlak⁴ kerana pada tahap ini Roh telah melepaskan diri daripada dikotomi subjek-objek. Apabila Roh Mutlak tercapai, maka sejarah pun tamat. Jadinya, sejarah menurut Hegel itu merupakan suatu gerak menuju tujuan, bersifat “*teleologis*” (dalam bahasa Yunani telos = tujuan) (F.R. Ankersmit 1987), dan tujuan sejarah itu ialah untuk menghapuskan keretakan antara Roh Objektif dan Roh Subjektif yang menyelami kenyataan.

2.1.2 Logika Dialektis

Logika dialektis ialah susunan logis yang menunjukkan bagaimana dalam perkembangan proses sejarah itu telah menjelmakan diri roh atau budi tersebut terjadi. Proses dialektik Hegel itu boleh dipandang sebagai proses pembinaan pengetahuan, namun dengan catatan bahawa

¹ Yang berkaitan dengan akal budi subjek yang tahu

² Akal budi beku yang menopang kenyataan

³ Dalam hubungan ini Hegel sering menggunakan istilah “*Geist an Sich*”.

⁴ Bagi Hegel pengertian Roh atau budi ini merupakan praktis sinonim.

pengetahuan itu bersifat pengetahuan diri, pengetahuan dan pengertian budi mengenai dirinya sendiri. Ramai pengkritik Hegel menafsirkan logika dialektisnya itu sebagai suatu deskripsi bagaimana pengetahuan manusia terjadi dan bertambah. Tetapi dialektika Hegel bukan suatu dialektika yang terwujud dalam ungkapan-ungkapan, melainkan dalam pengertian atau konsep-konsep sebagai sarana yang membantu kita bila berbicara mengenai kenyataan (contohnya, pengertian falsafah seperti 'ada' atau konsep yang lebih utuh seperti "negara". Kunci dialektika ala Hegel ialah **konsep** itu memperhalus pengertian mengenai dirinya. Contohnya seperti, konsep 'Renaissance' menurut Burchardt menjadi konsep 1. Tetapi diskusi sejarah tetap berlaku, timbul sarjana lain yang memberi konsep berbeza tentang renaissance daripada Burchardt, maka akan muncul pula konsep renaissance 2, yang lebih memuaskan daripada renaissance 1 itu. Demikianlah terus menerus kerana diskusi sejarah tak pernah berhenti. Dalam dialektikal Hegel '**negasi**' atau '**penyangkalan**' adalah perkara penting falsafahnya kerana ini menunjukkan tiada perkembangan jika ianya bersifat beku dan terfosil.

3. Falsafah Sejarah Material

Huraian Hegel mengenai **falsafah sejarah material** lebih luas daripada ulasannya mengenai falsafah sejarah formal. Dalam tiga jilid ia membahas dunia Timur, dunia Yunani-Romawi dan dunia Jerman. Ia mengikut perjalanan budi dalam sejarah dunia mulai dari Cina dan India samapai zamannya sendiri. Falsafah sejarah material ala Hegel mempunyai empat struktur yang erat kaitannya. Struktur pertama dalam karya falsafah sejarahnya itu diletakkan dalam tiga struktur sejarah, yakni sejarah Timur, Yunani-Romawi dan Jerman (yang mewakili seluruh sejarah Barat semenjak runtuhnya kekaisaran Roma). Pembahagian ini berdasarkan tiga matra Hegel iaitu Roh Objektif, Roh Subjektif dan Roh mutlak. Struktur kedua, dalam dunia Timur Roh belum sedar akan dirinya, manusia masih berada dalam keadaan alami sedangkan Roh berkarya dan menyusun dalam objektiviti (misalnya hukum alam). Baru dalam dunia Yunani-Romawi timbullah subjektiviti (roh menempatkan diri di luar dan berhadapan dengan apa yang secara objektif ada). Akan tetapi, roh subjektif menjadi kurang memahami kenyataan objektif. Sehingga dengan munculnya Roh Mutlak- di dalam dunia Jerman- terjadi perukunan antara yang subjektif dan yang objektif. Pada struktur ketiga, dalam tahap Roh Objektif kenyataan sosial berpadanan dengan kenyataan alami. Seperti benda-benda dan haiwan-haiwan dalam

kenyataan fizik dan biologis yang universal, demikian juga dengan masyarakat manusia dalam tahap Roh Objektif. Tahap roh mutlak ditandai oleh ciri universal, sedangkan dunia Yunani-Romawi oleh subjektiviti, artinya refleksi diri dan individualiti. Individualiti berhadapan dengan universaliti dan objektiviti. Tetapi, sintesis antara universaliti dan individualiti baru tercapai dalam dunia Jerman iaitu universaliti yang telah di individualitikan. Perkembangan dalam hubungan dalam hubungan antara manusia dalam bidang politik dan sosial, merupakan contoh bagaimana skema yang abstrak ini terwujud. Dalam dunia Timur, manusia mengikat diri pada peraturan-peraturan yang berlaku di dalam masyarakat, sama seperti benda-benda dan haiwan tunduk kepada hukum alam. Dalam tahap Roh Subjektif (Yunani-Romawi) manusia mulai berfikir mengenai hubungan antara individu dan masyarakat atau negara, namun belum berhasil menemukan keseimbangan antara kedua kutub itu. Baru di dunia Jerman, tahap “Universaliti yang konkrit” terjadi bentuk masyarakat (monarki konstitusional) yang sama-sama memperhatikan baik individu mahupun masyarakat.

4. Penutup

Falsafah sejarah Hegel bukanlah tafakuran yang filosofis terhadap sejarah tetapi sejarah itu sendiri yang di pertingkatkan keluasannya dan menjadi filosofis sebagai yang berbeza daripada empiris semata-mata. Ini beerti sejarah bukanlah semata-mata menentukan banyaknya sesuatu hakikat itu, tetapi menghayati dengan memahami sebab-sebab mengapa hakikat-hakikat itu berlaku seperti itu. Sejarah yang filosofis ini merupakan sejarah umat manusia yang sarwajagat (sejarah dunia) dan akan menunjukkan kemajuan dari zaman-zaman yang primitif sehinggalah ke peradaban hari ini. Plot kisah ini ialah **perkembangan kebebasan**, yang sama dengan taakulan keakhlakan manusia seperti yang terserlah di dalam sistem luaran hubungan-hubungan kemasyarakatan. Oleh itu persoalan yang perlu dijawab oleh sejarah filosofis ialah bagaimana wujudnya negara (Menurut Collingwood ide ini diambil oleh Hegel daripada Kant). Bagi Hegel sejarah itu berakhir pada masa kini dan tidak pada masa yang akan datang,⁵ ianya berakhir pada wujudnya negara yang mempunyai roh mutlak. Manakala dialektis itu merupakan proses sejarah

⁵ Dalam hal ini, Hegel adalah benar. Menurutnya, falsafah sejarah itu adalah sejarah itu sendiri yang dipertimbangkan dari sudut falsafah, iaitu dilihat dari dalam. Tetapi ahli sejarah tidak mempunyai pengetahuan tentang masa yang akan datang; apakah dokumen-dokumen, bahan-bahan bukti yang dipunyai yang boleh digunakannya bagi menentukan fakta-fakta yang belum berlaku. Dan semakin beliau melihat sejarah itu dari sudut falsafah semakin jelas lagi ia mengetahui bahawa masa yang akan datang itu adalah sesuatu yang tertutup baginya. Sejarah mestilah berakhir dengan masa kini, kerana tidak ada lagu perkara yang berlaku.

dimana suatu bentuk kehidupan yang bertentangan yang pada akhirnya wujud sintesis baru (tesis-antitesis-sentises)(Fitzgerald Kennedy Sitorus menerjemahkan dialektik Hegel ini kepada “ada-ketiadaan-menjadi”). Pertentangan ini wujud pada roh objektif dengan roh subjektif yang pada akhirnya memunculkan roh Mutlak.

Rujukan

G.W.F Hegel, *The Philosophy of History*, C.J. Friederich (ed.), New York, 1958.

G.W.F Hegel, *Lectures on the philosophy of world history: Introduction, reason in history*, translated from the German ed. of Johannes Hoffmeister by H.b. Nisbet, Cambridge University Press, 1975.

R.G. Collingwood, *The Idea of History*, London: Oxford University Press, 1961.

F.R. Ankersmit, *Refleksi tentang Sejarah: Pendapat-pendapat moden tentang filsafat sejarah*, Dick Hartoko (terj.), Penerbit PT Gramedia: Jakarta, 1987

Kainz, Howard P, *Hegel's Philosophy of Right, with Marx's commentary: handbook for students*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1974.

Fitzgerald Kennedy Sitorus, Dialektika “Ada-Ketiadaan-Menjadi” pada Hegel: Sebuah upaya pendasaran prinsip-prinsip Filsafat Hegel, *Jurnal Filsafat Driyakara* tahun xxvii, no 3, Jakarta, 2004.

Fitzgerald Kennedy Sitorus, Idealisme dan Eksistensialisme mengenai Subjektiviti: Sebuah perdebatan, *Jurnal Filsafat Driyakara* tahun xxviii, no 1, Jakarta, 2005.

Franz Magnis-Suseno, Hegel, Filsafat Kritis dan Dialektika, *Jurnal Filsafat Driyakara*, no.3 tahun xviii.

Tan Malaka, *Madilog: Materialisme dialektika logika*, Ronny Agustinus (pnyt.), Jakarta: Pusat Data Indikator, 1999.